



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TAHAP PENGUASAAN PENGETAHUAN JURULATIH PERMAINAN BOLA BALING DALAM KALANGAN GURU-GURU SEKOLAH MENENGAH.

SALMI BINTI LILEK



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KERTAS PROJEK INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH
SARJANA PENDIDIKAN (SAINS SUKAN)**

**FAKULTI SAINS SUKAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2007



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TAHAP PENGUASAAN PENGETAHUAN JURULATIH PERMAINAN BOLA BALING DALAM KALANGAN GURU-GURU SEKOLAH MENENGAH.

SALMI BINTI LILEK

**FAKULTI SAINS SUKAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2007



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

PENGAKUAN

Saya mengaku karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

04.04.2007



SALMI BIN H LILEK
M20061000040



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Saya mengesahkan telah memeriksa kertas projek bertajuk Tahap Penguasaan Pengetahuan Jurulatih Permainan Bola Baling Dalam Kalangan Guru-Guru Sekolah Menengah. Saya memperakukan bahawa kertas projek ini diterima bagi memenuhi syarat ijazah Sarjana Pendidikan Sains Sukan.

Penyelia Kertas Projek QSS 6006

Dr. Juslimah Binti Jani

Pensyarah Fakulti Sains Sukan

Universiti Pendidikan Sultan Idris.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun

Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



ptbupsi

Tarikh: _____



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani. Alhamdulliah, syukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia-Nya saya dapat menyiapkan kertas projek ini dengan jayanya. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak-pihak yang terlibat memberi bantuan dan kerjasama bagi menyiapkan kertas projek ini.

Ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Julismah binti Jani selaku pensyarah penyelia kerana telah banyak memberi bimbingan serta tunjuk ajar dalam usaha saya menyiapkan kertas projek ini. Ribuan terima kasih juga saya tujuhan kepada semua pensyarah Fakulti Sains Sukan UPSI yang terlibat kerana telah banyak mencurahkan ilmu, tunjuk ajar, bimbingan dan dorongan. Tidak ketinggalan kepada rakan-rakan yang banyak membantu dan memberi semangat untuk meneruskan usaha



Kejayaan ini juga adalah berkat doa dan kesabaran insan-insan tersayang iaitu Abang Ismail bin Abang Julhi, Dayang Izzah Athirah, Dayang Izzah Maisarah, Abang Muhammad Izzul Firdaus, Ayahanda Lilek bin Hassan dan Bonda Ragiah Binti Luwi. Pengorbanan kalian hanya Allah yang mampu membalaunya.





ABSTRAK

TAHAP PENGUASAAN PENGETAHUAN JURULATIH PERMAINAN BOLA BALING DALAM KALANGAN GURU-GURU SEKOLAH MENENGAH

Oleh: Salmi Binti Lilek
April 2007

Tujuan utama penyelidikan ialah untuk mengkaji tahap penguasaan pengetahuan jurulatih permainan bola baling dalam kalangan guru-guru sekolah menengah di Sarawak sama ada jurulatih yang bertauliah mahupun jurulatih yang tidak bertauliah. Kajian merangkumi aspek penguasaan pengetahuan kemahiran dan undang-undang dalam permainan bola baling. Penyelidik juga mengkaji tentang pengaruh gaya kepimpinan dan penggunaan program latihan oleh jurulatih bertauliah dan tidak bertauliah bagi memastikan kejayaan pasukan di bawah bimbingan mereka. Kajian ini menggunakan kaedah eksperimental ke atas sampel. Soal selidik, temuramah dan penyeliaan digunakan untuk mengumpulkan data penyelidikan. Kajian ini juga melibatkan 28 orang pemain bola baling wanita sebagai sampel bagi mengumpul data berkaitan gaya kepimpinan jurulatih. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa, jurulatih yang bertauliah mempunyai tahap penguasaan pengetahuan yang tinggi terhadap kemahiran dan undang-undang dalam permainan bola baling berbanding jurulatih tidak bertauliah. Hasil dari keputusan pertandingan yang disertai oleh kedua-dua pasukan yang dibimbing oleh jurulatih bertauliah dan tidak bertauliah mendapati bahawa pasukan yang dibimbing oleh jurulatih bertauliah berjaya menduduki tempat ketiga berbanding pasukan yang dibimbing oleh jurulatih yang tidak bertauliah gagal untuk mendapat sebarang tempat dalam pertandingan yang telah disertai oleh kedua-dua pasukan yang dikaji. Nilai signifikan penguasaan pengetahuan kemahiran ialah $p=.000$, sementara penguasaan undang-undang menunjukkan nilai $p=.004$. Bagi nilai signifikan $p=.928$ untuk kepimpinan demokratik, $p=.032$ untuk kepimpinan autokratik dan kepimpinan lassier-faire $p=.562$. Manakala untuk program latihan jurulatih bertauliah dengan jurulatih nilai $p=.486$. Perbezaan ini menunjukkan bahawa hipotesis nul untuk tahap penguasaan kemahiran dan undang-undang ditolak, manakala gaya kepimpinan dan program latihan hipotesis nul diterima. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa gaya kepimpinan demokratik dapat membantu meningkatkan pencapaian pasukan bola baling berbanding gaya kepimpinan autokratik dan lassier-faire. Jester itu, jurulatih perlu mempunyai tauliah untuk membimbing pasukan bola baling dan menggunakan gaya kepimpinan yang bersesuaian dengan pemain yang di latih agar kejayaan dapat dicapai.





ABSTRACT

TAHAP PENGUASAAN PENGETAHUAN JURULATIH PERMAINAN BOLA BALING DALAM KALANGAN GURU-GURU SEKOLAH MENENGAH

By: Salmi Binti Lilek
April 2007

The purpose of this study was to investigate the knowledge and skills level among the handball coaches in secondary school in Sarawak. In addition this study also assessed the coaching style and usage of training program among qualified and non qualified coaches. Data of coaching style was collected from 28 women handball players. The finding of the study revealed that qualified coaches has got more knowledge on skills and rules of handball compare to non qualified coaches. Study also revealed that the result of competition participated by team which was coached by qualified coaches gave a better result than team which was coached by non qualified coaches. Significance test or hypothesis listing show that significance value for knowledge in skill was $p=.000$ while knowledge in rules was $p=.004$. Significance value for democratic leadership was $p=.928$, autocratic was $p=.032$ and lassie faire leadership was $p=.562$. While the difference of training program between qualified and not qualified coaches was $p=.486$. The differences show the rule hypotheses for skills and rules knowledge are ejective while these for leadership style and training programs, are accepted. Democratic style of coaching helps to improve the performance of the handball team compare to autocratic and lassie-faire style. In order to improve achievement it is recommended that coaches should use a suitable coaching style and having qualification in the game.



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	iii
PENGHARGAAN	v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
ISI KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xii

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Pernyataan Masalah	5
1.3	Kerangka Konseptual	8
1.4	Objektif Kajian	9
1.5	Persoalan Kajian	9
1.6	Hipotesis	10
1.7	Kepentingan Kajian	11
1.8	Limitasi Kajian	12
1.9	Definisi Operasional	13

BAB 2: TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	16
2.2	Teori Kejurulatihan Sukan	16
2.3	Tahap Penguasaan Pengetahuan	22
2.4	Kajian Berkaitan Tahap Penguasaan Pengetahuan	23
2.5	Kajian Berkaitan Tentang Kejurulatihan	24
2.6	Kajian Berkaitan Tentang Permainan Bola Baling	27
2.7	Rumusan	29



BAB 3: METODOLOGI

3.1	Pendahuluan	30
3.2	Reka Bentuk Kajian	30
3.3	Instrument Kajian	32
3.4	Sampel Kajian	34
3.5	Lokasi Kajian Dan Jadual Pelaksanaan Kajian	34
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	35
3.7	Prosedur Penganalisaan Data	39

BAB 4: DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	41
4.2	Latar Belakang Subjek	42
4.3	Perbezaan Jumlah Min Penguasaan Pengetahuan Tentang Kemahiran Bola Baling Di Antara Jurulatih Bertauliah Dengan Jurulatih Tidak Bertauliah	43
4.4	Perbezaan Min Tahap Penguasaan Pengetahuan Tentang Undang-Undang Bola Baling Di Antara Jurulatih Bertauliah Dengan Jurulatih Tidak Bertauliah	44
4.5	Menjelaskan Keputusan Pertandingan Bola Baling Yang Di Sertai Oleh Kedua-dua Pasukan Yang Di Latih Oleh Jurulatih Bertauliah Dengan Jurulatih Tidak Bertauliah	45
4.6	Perbezaan Min Gaya Kepimpinan Jurulatih Bertauliah Dengan Jurulatih Tidak Bertauliah Dengan Menggunakan Ujian-t Untuk Menguji Hipotesis	47
4.7	Menjelaskan Perbezaan Min Program Latihan Yang Digunakan Di Antara Jurulatih Bertauliah Dengan Jurulatih Tidak Bertauliah Dengan Menggunakan Ujian-t Untuk Menguji Hipotesis	49
4.8	Rumusan	50

BAB 5: PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	51
5.2	Perbincangan	52
5.3	Kesimpulan	59
5.4	Cadangan	59





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

RUJUKAN LAMPIRAN

63

65

- A Contoh Borang Penyeliaan Latihan Jurulatih
- B Contoh Soalan Temuramah Gaya Kepimpinan Jurulatih
- C Contoh Soal Selidik Pengetahuan Kemahiran Dan Undang-Undang Permainan Bola Baling
- D Surat Kebenaran Kementerian Pelajaran



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

x



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI JADUAL

Jadual	muka surat
3.1 Reka Bentuk Kajian Kawalan Pasca Ujian	31
3.2 Jadual Perancangan Penyeliaan Latihan	34
3.3 Jadual Penyeliaan Ke atas Jurulatih Semasa Sesi Latihan	36
3.4 Keputusan Kajian Rintis Berkaitan Kemahiran Dan Undang-Undang Bola Baling	38
4.1 Menunjukkan Latar Belakang Subjek	42
4.2 Perbezaan Min Penguasaan Kemahiran Di Antara Jurulatih Bertauliah Dengan Jurulatih Tidak Bertauliah	44
4.3 Perbezaan Min Penguasaan Pengetahuan Undang-Undang Di Antara Jurulatih Bertauliah Dengan Jurulatih Tidak Bertauliah	45
4.4 Perbezaan Min Keputusan Pertandingan Bola Baling Yang Di Sertai Oleh Kedua-dua Pasukan Yang Di Latih Oleh Jurulatih Bertauliah Dengan Jurulatih Tidak Bertauliah	46
4.5 Perbezaan Min Gaya Kepimpinan Jurulatih Bertauliah Dengan Jurulatih Tidak Bertauliah	48
4.6 Perbezaan Min Dalam Penggunaan Program Latihan Di Antara Jurulatih Bertauliah Dengan Jurulatih Tidak Bertauliah	49



SENARAI RAJAH

Rajah**muka surat**

1.1	Kerangka Konseptual Kajian Ini Diubahsuai Dari Modul Pencapaian Untuk Melihat Perubahan Yang Berlaku Ke atas Kedua-dua Kumpulan	8
2.1	Sistem Sukan Profesional Berpontensi	19
2.2	Program Latihan Sukan Olahraga Berkualiti	20
2.3	Model Umum Perancangan Latihan	21
5.1	Koordinat Gaya Kepimpinan Jurulatih	56



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini memfokuskan tentang pernyataan masalah, objektif, persoalan, hipotesis, kepentingan kajian dan definisi operasional setiap istilah yang menjadi pembolehubah bersandar dan tidak bersandar terhadap tajuk ini.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Peranan guru dalam melatih dan membimbing pasukan sekolah amatlah dituntut selaras dengan saranan Jabatan Pendidikan Jasmani dan Sukan, Kementerian Pelajaran Malaysia untuk menjadikan sukan sebagai aktiviti kokurikulum yang dinilai untuk kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Dari segi pemberian nilai daripada aktiviti kokurikulum, Jemaah Menteri telah bersetuju dan mengambil maklum akan menetapkan sebanyak 10 peratus bukan sahaja digunakan sebagai kriteria kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) tetapi merit kokurikulum juga digunakan sebagai kriteria kemasukan ke Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Menengah Teknik dan Maktab Rendah Sains Mara.(Hishamuddin, 2006).



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Memorandum turut mencadangkan penerusan wajaran 10 peratus merit kokurikulum bagi pemilihan guru pelatih untuk Kursus Perguruan Lepasan Ijazah, Program Penghantaran Pelajar Cemerlang dan Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan. Selain itu, dicadangkan juga agar kriteria kelayakan sekolah untuk memasuki Kolej Matrikulasi turut mengambil kira penglibatan dalam aktiviti kokurikulum.

Bagi memastikan pelaksanaan aktiviti kokurikulum ini dapat dilakukan dengan lebih berkesan, Jemaah Menteri telah bersetuju sebulat suara agar tujuh aspek di bawah ini diperkuuhkan, iaitu :-

- Pemantapan dasar bagi meningkatkan penyertaan murid, guru pelatih, guru, dan pensyarah.
- Pemantapan latihan guru dan program kejurulatihan.
- Pengukuhan struktur organisasi yang terlibat dengan perlaksanaan aktiviti kokurikulum di jabatan, bahagian dan di sekolah bagi membolehkan perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian aktiviti kokurikulum.
- Penyediaan norma khas peruntukan kewangan bagi pelaksanaan aktiviti kokurikulum.
- Penyediaan infrastruktur yang sesuai yang sesuai dan mencukupi bagi semua sekolah, institut perguruan, dan kolej matrikulasi.
- Pemantapan hala tuju serta pengukuhan aspek ganjaran dan hukuman menerusi peruntukan undang-undang, serta peraturan dan insentif bagi melaksanakan aktiviti kokurikulum termasuk pemberian nilai ke





atasnya terutama pemilihan murid ke peringkat persekolahan dan pengajian yang lebih tinggi.

- Pemantapan kerjasama dengan kementerian-kementerian lain pihak-pihak di luar kementerian.

(*Pendidik, KPM, 2006*)

Sejajar dengan aspek pemantapan latihan guru dan program kejurulatihan, guru-guru yang terlibat dengan pelbagai jenis sukan dan permainan perlu mengikuti kursus-kursus yang bersesuaian dengan kebolehan dan kepakaran masing-masing untuk memastikan semua jurulatih dikalangan guru-guru menguasai pengetahuan dan kemahiran secara menyeluruh dan mendalam. Oleh yang demikian, Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM) dengan kerjasama Majlis Sukan Negera (MSN) haruslah bergabung tenaga untuk merealisasikan impian tersebut. Kursus-kursus kejurulatihan yang dianjurkan oleh kedua-dua agensi berkenaan perlulah berkualiti agar pemantapan pengetahuan jurulatih dalam sesuatu bidang sukan dapat diterjemahkan sewaktu memberi khidmat kepada pasukan kendaliannya.

Sejak tahun 1985 lagi telah wujudnya kerjasama antara Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM) dengan Persekutuan Bola Baling Malaysia (MAHF) dalam usaha membangunkan permainan Bola Baling di Malaysia dengan menganjurkan pelbagai tahap kursus kejurulatihan dan kepegawaian Bola Baling untuk guru-guru sekolah. (**Persekutuan Bola Baling Malaysia, 2004**). Antaranya kursus yang pernah dikelolakan oleh MAHF ialah Kursus Pengenalan Bola Baling di Lumut, Perak tahun





1985 diikuti dengan kursus kejurulatihan dan kepengadilan di SM Sains Selangor setahun berikutnya.

Melalui kursus-kursus kepengadilan dan kejurulatihan Bola Baling yang dikelolakan itu, adalah dengan harapan agar negara kita dapat melahirkan jurulatih terutama di kalangan guru-guru sekolah yang mempunyai tahap penguasaan kemahiran dan pengetahuan yang setanding dengan jurulatih dari negara-negara lain. Usaha ini juga dilakukan kerana badan-badan terbabit menyedari betapa besarnya peranan seorang jurulatih dalam memperkembangkan dan memajukan permainan bola baling melalui tunjuk ajar mereka kepada pemain-pemain dibawah bimbingannya.

Bersesuaian dengan pendapat Wee Eng Hoe, (1996) peranan seorang jurulatih amat penting bagi menentukan kejayaan pasukan di bawah bimbingannya. Oleh itu, jurulatih merupakan seorang yang mempunyai banyak kebolehan dan kemahiran, banyak pengetahuan, perspektif sangat memahami dan mempunyai iltizam emosi terhadap sukan, kepada diri dan orang lain. Malah jurulatih yang mampu menguasai segala kemahiran akan membolehkannya melakukan demonstrasi dalam sesi latihan dan dapat menjelaskan dengan tepat semua perkara yang berkaitan dengan permainan yang beliau latih. Oleh yang demikian, bagi meningkatkan tahap penguasaan kemahiran dan pengetahuan seseorang jurulatih dalam bidang sukan yang diceburi, perlulah mereka mengikut kursus-kursus kejurulatihan yang dianjurkan oleh badan-badan persatuan yang berkenaan. Selain itu, penguasaan seseorang jurulatih bukan hanya terhad dalam kemahiran sahaja malah menurut Carlos (2003), penting bagi seorang jurulatih mempunyai filosofi latihan yang betul bukan hanya sekadar memahami pengetahuan tentang teoritikal semata-mata.





1.2 Penyataan Masalah

Kejayaan sesebuah pasukan bukan hanya diukur melalui kewibawaan pemainnya mendominasikan semua peluang yang ada, malahan strategi dan perancangan seorang jurulatih merencanakan program latihan perlu diambil kira. Faktor kepakaran dan kebolehan seseorang jurulatih mungkin banyak menyumbang kepada kejayaan sesebuah pasukan, jika dibandingkan dengan faktor-faktor yang lain. Ini bergantung pula kepada sejahterananya tahap pengetahuan seorang jurulatih dalam menguasai teknik dan taktik sesuatu latihan yang berkaitan dengan sukan tersebut.

Oleh itu, dalam menentukan tahap kejurulatihan seseorang jurulatih, Malaysia juga seperti negara-negara membangun yang lain iaitu tahap kejurulatihan dinilai melalui kursus-kursus yang pernah dianjurkan oleh persatuan-persatuan sukan yang berkenaan. Institut Sukan Negara (ISN) contohnya menawarkan Kursus Sains Sukan Tahap 1, Tahap 2 dan Tahap 3. Bagi negeri Sarawak pula, walaupun sepuluh tahun kebelakang iaitu 1986 mengenali permainan Bola Baling berbanding negeri-negeri lain di semenanjung seperti Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sentiasa berusaha untuk membangunkan dan memperkembangkan permainan ini terutama sekali oleh Persatuan Bola Baling Sarawak (SAHA) dengan jalinan kerjasama Majlis Sukan Sekolah – Sekolah (MSSS).

Sejajar dengan itu, pelbagai kursus telah dijalankan di Sarawak dalam usaha mempopularkan permainan ini disamping melahirkan jurulatih dan pengadil Bola Baling. Dari tahun 2003 sehingga 2006, seramai 209 orang guru-guru di seluruh pelusuk negeri Sarawak yang telah mengikuti kursus kejurulatihan yang telah dianjurkan oleh Persatuan Bola Baling Negeri Sarawak dengan kerjasama Jabatan





Pendidikan Negeri iaitu bermula dengan sijil kejurulatihan tahap asas sehingga ke tahap lanjutan. Antaranya Kursus Kejurulatihan Tahap 1 bertempat di Kuching yang melibatkan seramai 30 orang guru-guru sekitar Bandaraya Kuching. (Persatuan Bola Baling Negeri Sarawak, 2007).

Selain daripada kursus-kursus kejurulatihan yang telah dianjurkan, pertandingan-pertandingan pelbagai peringkat juga telah dilaksanakan untuk menjadikan permainan Bola Baling sebagai satu sukan utama dan pilihan para pelajar dan remaja di Sarawak malah ia juga dapat dijadikan sebagai platform kepada para guru yang menjadi jurulatih untuk mengasah kebolehan dan kepakaran yang telah mereka perolehi melalui kursus-kursus kejurulatihan Bola Baling tersebut. Namumbegitu masih terdapat tidak semua guru-guru yang melatih pasukan sekolah mereka memiliki sebarang sijil kejurulatihan tetapi hanya bersandarkan pengalaman sebagai bekas pemain bola baling sahaja. Ini terbukti pada pertandingan peringkat Bahagian Kuching pada 2004, kategori perempuan bawah 15 tahun tempat ketiga dimenangi oleh pasukan yang dilatih oleh guru yang tidak mempunyai sebarang pentaulahan sebagai jurulatih Bola Baling. (Majlis Sukan Sekolah Sarawak 2005)

Tetapi malangnya, tahap penguasaan pengetahuan jurulatih bola baling dalam kalangan guru-guru sekolah menengah di Sarawak hanya mampu untuk mezahirkan kepakaran mereka dalam pertandingan sama ada peringkat zon, bahagian dan negeri sahaja tetapi sering kecundang pada pertandingan Bola Baling peringkat MSSM kebangsaan. Malah dalam tempoh tiga tahun penyertaan pasukan Bola Baling MSSS Sarawak iaitu dari tahun 2003 hingga 2006 belum lagi menampakkan hasil yang membanggakan.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



7 ptbupsi

Ekoran dari fenomena ini, pengkaji ini melihat sejauhmanakah tahap penguasaan pengetahuan jurulatih dikalangan guru-guru di sekolah menengah di Sarawak samada yang telah memiliki sijil kejurulatihan mahupun yang tidak memiliki sebarang sijil kejurulatihan benar-benar mampu membawa kejayaan kepada pasukan bimbingannya. Penyelidik juga ini melihat adakah kejayaan sesebuah pasukan bola baling bergantung kepada jurulatih yang telah ditauliahkan sijil kejurulatihan ataupun jurulatih yang hanya berbekalkan pengalaman sebagai bekas pemain bola baling juga mampu untuk membawa kejayaan cemerlang kepada pasukan bimbingannya.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun




ptbupsi



1.3 Kerangka Konseptual

Rajah 1.1

Kerangka Konseptual kajian ini diubahsuai dari Modul Pencapaian untuk melihat perubahan yang berlaku ke atas kedua-dua kumpulan.



Kerangka konseptual menunjukkan perkaitan antara pembolehubah bebas dengan pembolehubah bersandar yang cuba melihat perubahan yang berlaku dalam kajian ini. Pembolehubah bebas kumpulan eksperimen akan menggunakan faktor pengetahuan, kepimpinan, dan sistem latihan yang dibentuk oleh jurulatih bertauliah ke arah pencapaian pasukan yang dilatih.

Manakala kumpulan kawalan hanya melibatkan faktor kepimpinan dan sistem latihan sahaja yang digunakan oleh jurulatih yang tidak bertauliah. Kesannya akan dapat dilihat setelah kedua-dua pasukan menggunakan program latihan untuk





diterjemahkan semasa Kejohanan Bola Baling Piala Pusingan Abang Johari pada 12 – 16 Mac 2007

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

- i) mengenalpasti sejauhmana tahap yang diperlukan oleh seorang jurulatih dalam menguasai kemahiran permainan bola baling.
- ii) mengenalpasti sejauhmana tahap yang diperlukan oleh seorang jurulatih dalam menguasai undang-undang permainan bola baling.
- iii) mengenalpasti sejauhmana pengaruh pertaulahan jurulatih terhadap kejayaan sesebuah pasukan bola baling.
- iv) mengenalpasti bentuk kepimpinan yang sesuai dalam membimbing pasukan dan kaitannya dengan kejayaan pasukan bola baling.
- v) mengenalpasti kepentingan sistem latihan dalam memastikan kejayaan sesebuah pasukan.

1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengetahui sejauhmana tahap penguasaan pengetahuan guru-guru yang menjadi jurulatih bola baling di peringkat sekolah dari aspek pengetahuan kemahiran dan undang-undang permainan bola baling.





- i) apakah tahap yang diperlukan oleh jurulatih dalam menguasai kemahiran permainan bola baling?
- ii) apakah tahap yang diperlukan oleh jurulatih dalam menguasai undang-undang permainan bola baling?
- iii) adakah guru-guru sekolah menengah perlu mendapatkan pentaulahan kejurulatihan dalam melatih pasukan bola baling di sekolah?
- iv) adakah guru-guru sekolah menengah perlu mendapatkan pengalaman dalam membimbing pasukan bola baling untuk menempah kejayaan?
- v) adakah guru-guru sekolah menengah perlu menggunakan gaya kepimpinan berbentuk demokratik, autokratik atau laisser-faire terhadap pasukannya dalam memastikan kejayaan?
- vi) adakah guru-guru sekolah menengah perlu menyediakan program latihan untuk pasukannya bagi menentukan kejayaan.



1.6 Hipotesis

Bagi membantu pengkaji untuk menjayakan kajian ini, hipotesis nul digunakan untuk menyokong kajian ini dibuat. Berikut adalah hipotesis yang dijangka oleh pengkaji:

Ho1 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahap penguasaan kemahiran dalam permainan bola baling di antara





jurulatih bertauliah dengan jurulatih yang tidak bertauliah.

- Ho2 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahap penguasaan undang-undang dalam permainan bola baling di antara jurulatih bertauliah dengan jurulatih yang tidak bertauliah.
- Ho3 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara jurulatih bertauliah dengan jurulatih yang tidak bertauliah terhadap pencapaian pasukan Bola Baling.
- Ho4 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara jurulatih yang menggunakan gaya kepimpinan laisser-faire dengan gaya kepimpinan autokratik mahupun dengan gaya kepimpinan demokratik dalam menentukan kejayaan sesebuah pasukan bola baling.



: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pencapaian pasukan bola baling yang dilatih oleh jurulatih yang menggunakan program latihan dengan jurulatih yang tidak menggunakan program latihan.

1.7 Kepentingan Kajian

Secara amnya, sukan Bola Baling di Sarawak hanya mampu untuk menyerlah pada peringkat pertandingan yang dianjurkan di dalam negeri Sarawak sahaja tetapi tidak menyerlah pada kejohanan bola baling MSSM peringkat kebangsaan.





Kajian ini diharapkan dapat digunakan untuk memajukan sukan Bola Baling di negeri Sarawak ke arah melahirkan pemain-pemain yang berpotensi tinggi serta dapat melahirkan ramai jurulatih bola baling di kalangan guru-guru di sekolah menengah yang benar-benar dapat menguasai pengetahuan dan memiliki kemahiran melatih yang tinggi dalam permainan ini. Sehubungan dengan itu, kajian ini juga dapat dijadikan panduan dan pedoman MSS Sarawak untuk menyediakan pemain dan jurulatih yang benar-benar mantap dan berkualiti dari semua aspek.

Hasil kajian ini juga, diharapkan dapat dijadikan panduan kepada jurulatih Bola Baling dikalangan guru di sekolah menengah dalam usaha membina modul latihan yang berkesan bagi mencapai kecemerlangan pasukan bimbingannya. Malah diharapkan juga, kajian ini dapat dijadikan rujukan kepada pengkaji lain untuk menjalankan kajian sukan Bola Baling pada masa akan datang.



1.8 Limitasi Kajian

Kajian ini dihadkan kepada guru-guru di sekolah menengah yang menjadi jurulatih dalam permainan Bola Baling sama ada yang telah memiliki sijil kejurulatihan mahupun yang tidak memiliki sijil kejurulatihan. Kawasan kajian adalah di sekitar bahagian Kuching dan bahagian Samarahan sahaja. Dua buah sekolah yang telah dikenalpasti mempunyai pasukan bola baling yang di latih oleh jurulatih yang bertauliah atau yang memiliki sijil kejurulatihan dan tidak bertauliah atau tidak mempunyai sebarang sijil kejurulatihan. Kedua-dua jurulatih yang dijadikan sampel membawa pasukan masing-masing menyertai kejohanan Bola



Baling Piala Abang Johari pada 12 hingga 16 Mac 2007 yang dianjurkan oleh Persatuan Bola Baling Sarawak (SAHA). Kejohanan ini akan dijadikan oleh penyelidik sebagai kayu pengukur untuk melihat dan menilai tahap penguasaan pengetahuan kedua-dua sampel dan pasukan yang dipilih dalam kajian ini .

1.9 Definisi Operasional

Tahap Penguasaan Pengetahuan

Peringkat pemahaman ilmu sesuatu bidang yang dikuasai oleh seseorang individu. Dalam kajian ini tahap penguasaan pengetahuan yang dimaksudkan ialah peringkat pemahaman ilmu seseorang berkaitan tentang kemahiran dan undang-undang permainan bola baling.

Jurulatih

Individu atau kumpulan yang memberikan demonstrasi kemahiran, taktik dan teknik dalam permainan bola baling. Seorang jurulatih mempunyai kemampuan, cara dan kemahiran dalam menyampaikan pengetahuan dan pengalaman kepada peserta. Pada kebiasaanya, jurulatih menggunakan berbagai kaedah bagi memastikan cara terbaik dalam membantu proses pembelajaran atau latihan.

Permainan Bola Baling

Permainan Bola Baling merupakan kombinasi antara permainan Bola Sepak, Bola Jaring dan Bola Keranjang. Kemahiran –kemahiran dalam Bola Baling terdapat dalam

ketiga-tiga permainan tersebut. Permainan ini boleh dimainkan dalam dewan ataupun padang rumput. Dua belas orang pemain bagi sebuah pasukan yang terdiri daripada tujuh orang pemain termasuk penjaga gol dan lima orang pemain ganti. Gelanggang permainan bola baling seluas 20meter x 40meter (Buku Panduan MSSM, 2004).

Guru Sekolah Menengah

Page (1977), dalam international Dictionary of Education, mendefinisikan guru sebagai seseorang yang mengajar, terutamanya seseorang yang diupah oleh sesebuah sekolah untuk mengajar.

Good (1959), mentakrifkan guru sebagai seseorang yang telah mengikuti kurikulum profesional di sesebuah institusi rasmi dengan tujuan untuk membimbing, mengarah pengalaman pembelajaran murid-murid atau pelajar dalam institusi pendidikan, sama ada kerajaan atau swasta. Dalam Dictionary of Occupational Titles (1956:65) memberikan definisi guru sekolah menengah sebagai:

Teacher on or more subject, such as English, Mathematics, Social Science, to students in public or private secondary schools: instructs students in subject matter, utilizing various teaching methods, such as lecture and demonstration, and uses audiovisual aids and other materials to supplement presentation. Prepares teaching outlines for course of study, assigns lessons, and correct homework papers. Administers tests to evaluate pupils' progress, record result, and issues reports to inform parents of progress. (DOT, 1965:67)

Menurut Page (1977) sekolah menengah ialah sekolah yang memberi pendidikan skunder setelah pelajar mengikuti pendidikan di sekolah rendah. Umur pelajar sekolah

menengah adalah di antara 11 hingga 19 tahun. Daripada pengertian di atas, guru sekolah menengah dapatlah ditakrifkan sebagai individu yang terlatih dalam bidang perguruan untuk mengajar satu atau lebih matapelajaran di sekolah menengah di mana pelajarnya terdiri daripada pelajar yang berumur di antara 11 hingga 19 tahun dari tingkatan 1 hingga tingkatan 6.

Dalam konteks kajian ini guru sekolah menengah yang dimaksudkan adalah terdiri daripada guru-guru sekolah menengah di Bahagian Kuching dan Bahagian Samarahan sahaja.